

Tutup kembali sungai

Manjung: Langkah awal yang akan dibuat bagi mengatasi masalah banjir akibat air pasang besar di Kampung Sungai Batu, Pantai Remis, di sini, adalah menutup kembali sungai yang menyebabkan air mengalir dari laut melimpah memasuki kawasan kampung.

Penghulu Mukim Pengkalan Baru Shahrin Effendi Mohamad berkata, pihaknya yang menerima aduan daripada penduduk kampung berkenaan memaklumkan kepada pihak berkuasa untuk tindakan segera, termasuk mengarahkan penduduk membuat laporan polis berhubung bencana yang berlaku.

Menurutnya, pihaknya bersama wakil pemaju dan Pejabat Daerah serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) pada pagi semalam sudah meninjau kawasan kampung itu.

“Pihak berkuasa juga su-

dah melihat sendiri sungai dibuat pemaju yang diktakan menjadi punca limpahan air dari laut hingga ke kawasan rumah penduduk.

“Hasil perbincangan, langkah menutup atau menyekat sungai terbabit diputuskan bagi penyelesaian jangka pendek dan bagi penyelesaian jangka masa panjang, pihak berkuasa memutuskan untuk membina kunci air di kawasan terbabit untuk mengawal limpahan air laut terutama pada waktu air pasang besar,” katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Shahrin berkata, langkah menyekat sungai terbabit akan dilakukan dalam tempoh terdekat iaitu sama ada hari ini atau esok dan pihaknya berharap penduduk dapat bersabar.

Katanya, perbincangan lanjut juga sudah dilakukan pihaknya dalam langkah membina kunci air yang dicadangkan.